

PART 4

2025 SPM SEJARAH

Prediction

ANDA BOLEH SKOR



by SPM Intelligent Team
@studytips.com.my

RAMALAN 2025 SPM SEJARAH

SPM KERTAS 2			RAMALAN
2021	2022	2023	2025
TINGKATAN 5 BAB 1: KEDAULATAN			
Konsep kedaulatan - Maksud / ciri - Cara mengekalkan			- Kedaulatan - Kepentingan / jenis - cabaran mengekalkan
TINGKATAN 5 BAB 2: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN			
	- Asas pembentukan kesan / kandungan - Ciri-ciri moden / tradisional		Perlembangan - Maksud kepentingan - Ciri tradisional dan moden SPM'24 - Kepentingan undang SPM'24 - Sebab pindaan perlembagaan
TINGKATAN 5 BAB 3: RAJA BERPERLEMBAGAAN & DEMOKRASI BERPARLIMEN			
- Sistem beraja zaman KMM & Zaman British		- Majlis Raja-raja Melayu - Peranan - Negeri yang terlibat dalam persidangan - Hubungan Raja & rakyat	- Raja berperlembagaan - Latar belakang - YPA (kedudukan / kuasa / peranan / dikekalkan) - Demokrasi berpalimen - Maksud / asasi/ kuasa pemerintahan
TINGKATAN 5 BAB 4: SISTEM PERSEKUTUAN			
	- Konsep pembahagian kuasa(Kepentingan) - Fungsi badan perundangan / eksekutif & kehakiman		- Kuasa K.Persekutuan SPM'24 - Sebab pembahagian kuasa SPM'24 - Kerajaan tempatan / Kepentingan SPM'24

ANDA BOLEH SKOR SPM

Kami percaya anda pasti boleh skor SPM dalam masa 2 bulan yang tersuntuk ini. Tetapi, dengan syarat, anda mesti mengikuti setiap strategi pembelajaran dengan teliti.

Tanggungjawab Anda Mudah Sahaja

Anda hanya perlu baca dan pastikan anda tidak melupainya.

Tanggungjawab Kami ialah:

Memberi ramalan soalan termasuk jawapan yang bernas dan tepat. Jangan risau, Ramalan soalan dari Intelligent Team Kamibenar-benar bernas dan terbukti banyak yang "Kena Tepat" pada tahun-tahun lepas.

PART 4

Ramalan 2025 SPM SEJARAH

Contoh Soalan dan Jawapan

TINGKATAN 5 BAB 1: KEDAULATAN

1. Kedaulatan dibina berdasarkan prinsip kebebasan dan keadilan yang sentiasa memperjuangkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat.
Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj (Perdana Menteri Malaysia Pertama)
Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Political Awakening. Petaling Jaya: Pelanduk Publication Sdn.Bhd.

a) Nyatakan takrif kedaulatan. [2 markah]

- F1 Supernus/superanus/sovereignty/daulah
- F2 Agung / kuasa tertinggi
- F3 Kuasa penuh terhadap pemerintahan/ Pemerintahan sesebuah kerajaan
- F4 Negara yang bebas/ Merdeka

b) Berikan dua jenis kedaulatan. [2 markah]

- F1 Kedaulatan Tradisional
- F2 Kedaulatan Moden
- F3 Kedaulatan Undang-undang
- F4 Kedaulatan Antarabangsa

c) Jelaskan jenis kedaulatan di (b). [2 markah]

Kedaulatan Tradisional

- F1 Sistem pemerintahan berkuasa mutlak
- F2 Wujud sejak tamadun awal manusia
- F3 Berpaksi kepada kedaulatan Raja-raja Melayu
- F4 Terletak kepada kekuasaan/kewibawaan raja
- F5 Mempunyai kuasa tertinggi
- F6 Diperkukuh dengan taat setia oleh rakyat.

Kedaulatan Moden

- F1 Kemunculan negara bangsa selepas Revolusi Keagungan/ Perancis
- F2 Berkaitan dengan hak rakyat dan kerajaan dalam perlembagaan
- F3 Persamaan rumpun bangsa (selepas PD1)

Kedaulatan Undang-undang

- F1 Kerajaan dan rakyat terikat dengan undang-undang
- F2 Menjamin keadilan dalam kehidupan
- F3 Negara aman/ stabil/ makmur
- F4 Mewujudkan bahan kehakiman yang bebas dan berwibawa
- F5 Prinsip keempat Rukun Negara

Kedaulatan Antarabangsa

- F1 Pengiktirafan yang diberikan oleh PBB
- F2 Tidak boleh dicabuli oleh negara lain
- F3 Deklarasi Hubungan Persahabatan PBB 1970
- F4 Persamaan kedaulatan dari segi undang-undang antarabangsa
- F5 Mengiktiraf negara yang bebas, merdeka dan berdaulat

- d) Rakyat perlu menggunakan kebijaksanaan bagi menghadapi cabaran demi mengekalkan kedaulatan negara kita.
Jelaskan pernyataan tersebut. [4 markah]

F1 Mengekalkan kedaulatan juga tanggungjawab rakyat
F2 Rakyat menumpahkan taat setia kepada raja dan negara
F3 Tidak melakukan tindakan yang mencemarkan maruah bangsa dan negara
F4 Bertoleransi antara kaum
F5 Menggunakan saluran/medium yang betul
F6 Bertindak mengikut undang-undang
F7 Tidak memprovokasi pihak lain
F8 Berfikiran rasional
F9 Menjadi rakyat yang berpengetahuan

2. Kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 dan pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 telah mengukuhkan serta memantapkan negara bangsa kita yang bebas dan berdaulat.

- a) Mengapakah negara berdaulat perlu diwujudkan ? [2 markah]

F1 Keberkesanan pentadbiran
F2 Kebebasan negara menjalankan pentadbiran
F3 Tanpa campur tangan pihak luar
F4 Kemakmuran ekonomi
F5 Meningkatkan taraf hidup rakyat
F6 Kesejahteraan social
F7 Melahirkan generasi yang berilmu/ berkemahiran
F8 Kecemerlangan hubungan luar negara
F9 Hak untuk menjalin kerjasama dengan negara lain
F10 Menggubal dasar luar negara

- b) Jelaskan peranan pemerintah bagi langkah mempertahankan kedaulatan negara yang berikut :

(i) Mengekalkan perpaduan kaum. [2 markah]

(ii) Mengukuhkan pertahanan negara. [2 markah]

(i) Mengekalkan perpaduan kaum.

F1 Pemerintah dan rakyat saling bekerjasama
F2 Pemerintah menggubal undang-undang/ dasar
F3 Memastikan keberkesanan pelaksanaan undang-undang/ dasar
F4 Merangka program/ kempen
F5 memupuk integrasi nasional
F6 Memperuntukkan perbelanjaan

(ii) Mengukuhkan pertahanan negara.

F1 Menggubal dasar/ undnag-undang
F2 Melindungi keselamatan negara
F3 Mengadakan perjanjian pertahanan
F4 Mengadakan latihan ketenteraan
F5 Memodenkan aset ketenteraan
F6 Mengukuhkan pasukan pertahanan
F7 Memastikan pasukan/ aset ketenteraan siap siaga

c) Berikut merupakan sebahagian daripada lirik lagu Keranamu Malaysia.

Keranamu kami mendapak tuah
Keranamu kami bangsa berjaya
Keranamu kami hidup selesa
Limpah budi kemakmuran negara

Keranamu kami bebas merdeka
Keranamu nyawa dipertaruhkan
Keranamu rela kami berjuang
Demi bangsa kedaulatan negara

Berdasarkan lirik lagu di atas, jelaskan peranan rakyat dalam usaha mengekalkan kedaulatan negara. [4 markah]

- F1 Menghormati negara dan bangsa/ pemerintah/ raja
- F2 Menumpahkan taat setia kepada negara/ raja
- F3 Menjadi bangsa yang berjaya/ berilmu
- F4 Sanggup berkorban mempertahankan negara dan bangsa
- F5 Bersedia berjuang untuk negara
- F6 Sentiasa mengekalkan keamanan negara
- F7 Menjaga hubungan/ perpaduan antara kaum/ bertoleransi
- F8 Membantu meningkatkan imej negara dalam bidang pendidikan/ekonomi
- F9 Menghargai perjuangan tokoh/ pemimpin
- F10 Menyokong dasar/ program kerajaan
- F11 Menghormati lambang negara
- F12 Menyanjungi adat warisan bangsa

TINGKATAN 5 BAB 2: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

1. Perlembagaan Persekutuan 1963 merupakan asas kepada Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

(a) Jelaskan maksud perlembagaan. [3 markah]

- F1 Undang-undang tertinggi negara
- F2 Unsur penting dalam negara
- F3 Menjadi teras sistem pemerintahan negara
- F4 Mempunyai unsur tradisional dan moden
- F5 Merupakan dokumen bertulis
- F6 Digubal berdasarkan unsur sedia ada dan juga tambahan unsur Baharu
- F7 Menjadi panduan kepada kerajaan untuk memerintah negara

(b) Nyatakan tiga contoh pindaan yang telah dilakukan terhadap Perlembagaan 1965. [3 markah]

- F1 imigresen
- F2 Kewangan
- F3 Hubungan luar negara
- F4 Pertahanan

(c) Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang digubal pada tahun 1957 telah mengalami beberapa pindaan penting sehingga kini.
Mengapakah perlembagaan perlu dipinda dari semasa ke semasa? [4 markah]

- F1 Menyesuaikan peruntukan negeri baharu dalam perlembagaan

- H1a Memasukkan klausa Sarawak, Sabah dan Singapura dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia
- H1b Menyesuaikan perlembagaan dengan keperluan semasa
- H1c Menyesuaikan kedudukan Mahkamah Atasan, pembentukan Mahkamah Tinggi Borneo serta jawatan Yang di-Pertua Negeri
- F2 Pindaan Perlembagaan 1965
- H2a Pindaan Singapura dalam perlembagaan
- H2b Singapura keluar daripada Malaysia
- H2c Semua perkara berkaitan dengan Singapura dalam perlembagaan dimansuhkan.

TINGKATAN 5 BAB 3: RAJA BERPERLEMBAGAAN & DEMOKRASI BERPARLIMEN

1. Dalam sistem Raja Berperlembagaan terdapat tiga Institusi yang berperanan dalam mengurus pentadbiran dan pemerintahan negara.

(a) Nyatakan tiga Institusi tersebut. [3 markah]

- F1 Institusi Majlis Raja-Raja
- F2 Institusi beraja di negeri-negeri
- F3 Institusi Yang di-Pertuan Agong


(b) Jelaskan tugas eksekutif Yang di-Pertuan Agong. [3 markah]

- F1 Menjalankan tugas eksekutif
- F2 Bertindak mengikut nasihat Perdana Menteri/Jemaah Menteri
- F3 Melantik Perdana Menteri/ Jemaah Menteri
- F4 Melantik menteri-menteri/ Timbalan Menteri
- F5 Membuat perantukan untuk jawatan penting
- F6 Melantik Peguam Negara/ Panglima Angkatan Tentera/ Ketua Audit Negara
- F7 Melantik Ahli Suruhanjaya Pilihan Raya/ Ahli Suruhanjaya Polis/ Sejumlah ahli dalam Majlis Angkatan Tentera
- F8 Mengetuai bidang ketenteraan
- F9 Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia
- F10 Bertanggungjawab ke atas Majlis Angkatan Tentera
- F11 Tanggungjawab diplomatik
- F12 Melantik diplomat Malaysia ke luar negara
- F13 Menerima mengadap diplomat asing

(c) Sistem Raja Berperlembagaan masih relevan pada masa kini? Berikan alasan anda. [4 markah]

- F1 Mengekalkan identiti negara
- F2 Malaysia mempunyai rakyat pelbagai kaum/agama/budaya
- F3 Melindungi rakyat pelbagai kaum
- F4 Mengekalkan kedaulatan negara
- F5 Sebagai simbol kedaulatan negara
- F6 Melindungi hak orang Melayu dan bumiputera

2. Rajah berikut berkaitan dengan kuasa dan peranan Yang Di-Pertuan Agong dalam pemerintahan negara kita sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.



- a) Di bawah kuasa Eksekutif, Yang Di-Pertuan Agong berperanan membuat pelantikan jawatan-jawatan penting negara.
Senaraikan dua jawatan tersebut. [2 markah]

F1 Perdana Menteri
F2 Menteri-menteri
F3 Timbalan-timbalan Menteri
F4 Peguam Negara
F5 Ketua Hakim Negara
F6 Hakim Mahkamah Atasan
F7 Panglima Angkatan Tentera
F8 Ketua Audit Negara
F9 Pengerusi / Ahli Suruhanjaya Pilihanraya
F10 Ahli Suruhanjaya Polis
F11 Ketua Hakim Negara
F12 Hakim Mahkamah Atasan

- b) Terangkan kuasa dan peranan Yang di-Pertuan Agong dalam perundangan. [4 markah]

F1 YDPA memperkenalkan sesuatu rang undang-undang yang melalui proses pembentangan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara
F2 YDPA mempunyai kuasa memanggil Parlimen bersidang
F3 YDPA juga berkuasa memberhentikan dan membubarkan Parlimen
F4 YDPA merupakan ketua agama Islam di negeri baginda sendiri, Wilayah Persekutuan, Melaka, Pulau Pinang, Sarawak dan Sabah
F5 YDPA bertanggungjawab menjaga serta melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera di Sarawak dan Sabah
F6 Baginda juga bertanggungjawab melindungi kepentingan sah kaum lain di Malaysia
F7 YDPA boleh membuat perisytiharan darurat
F8 Perisytiharan darurat dibuat setelah baginda memastikan kebenaran wujudnya keadaan yang mengancam keselamatan awam dan ekonomi negara

- c) Petikan berikut berkaitan dengan pemerintahan beraja di negara kita.

Pemerintahan beraja di Malaysia dikatakan paling unik berbanding negara lain yang mengamalkan pemerintahan beraja. Ini kerana di negara-negara berkenaan takhta pemerintahan terus kekal dikuasai waris tetapi di Malaysia, Raja yang memegang jawatan sebagai ketua negara atau dikenali sebagai Yang di-Pertuan Agong bertukar mengikut giliran dalam kalangan sembilan Sultan atau Raja yang memerintah negeri.

<https://www.mstar.com.my/lokal/semasa>


Kita perlu berbangga dengan sistem pemerintahan beraja di negara kita. Huraikan.

F1 Kita perlu berbangga kerana pemerintahan beraja di negara kita paling unik malah berbeza dengan negara lain yang sama-sama mengamalkan bentuk pemerintahan beraja.
H1 Raja yang memegang tampuk Ketua Utama Negara / Yang di-Pertuan Agong dipilih mengikut giliran bukan melalui sistem warisan.
H2 Giliran ini melibatkan sembilan orang Sultan yang memerintah negeri di Malaysia iaitu Perak, Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Kedah, Perlis, Kelantan, Johor dan Terengganu.
H3 Hal ini membolehkan sultan yang memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong bertukar setiap lima tahun sekali.

C1 Contohnya, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah merupakan YDPA yang ke 16.

Inf Impaknya, sistem pemerintahan beraja telah memakmurkan negara kita dengan menjadi pengimbang dalam sistem demokrasi Malaysia.

3. Rajah berikut berkaitan ciri-ciri Demokrasi Berparlimen di negara kita berdasarkan Perlembagaan Persekutuan.



a) Apakah kebebasan asasi tersebut?

[6 markah]

F1 Kebebasan diri

F2 Tiada seorang pun boleh diambil nyawanya

F3 atau dilucutkan kebebasannya kecuali mengikut undang-undang

F4 Kebebasan beragama

F5 Islam ialah agama Persekutuan

F6 Penganut agama lain boleh mengamalkan agama masing-masing

F7 Hak berkenaan dengan Pendidikan

F8 Tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara atas alasan agama, ras, keturunan atau tempat lahir

F9 Kebebasan bersuara

F10 Berhimpun

F11 Berpersatuan / membentuk persatuan

F12 Setiap warganegara berhak kepada kebebasan bersuara / berhimpun secara aman

b) Kuasa pemerintahan di negara kita diasingkan kepada tiga badan iaitu badan perundangan, badan eksekutif dan badan kehakiman.

(i) Terangkan tentang badan eksekutif.

[6 markah]

(ii) Pengasingan kuasa ini adalah penting untuk mewujudkan pemerintahan yang sistematik. Jelaskan.

[8 markah]

i.

F1 Merupakan badan pemerintah

F2 Badan yang melaksanakan kuasa eksekutif mengikut Perlembagaan Persekutuan

F3 Badan Eksekutif peringkat Kerajaan Persekutuan ialah Jemaah Menteri

F4 Jemaah Menteri terdiri daripada Perdana Menteri

F5 dan Menteri seperti Menteri Kewangan, Menteri Pendidikan, Menteri Pendidikan dan lain-lain

F6 Tugas Jemaah Menteri ialah menggubal dasar negara

F7 dan melaksanakan dasar kerajaan yang diputuskan oleh Jemaah Menteri

F8 Perdana Menteri mengetuai Jemaah Menteri

F9 Perdana Menteri memimpin kerajaan

F10 Perdana Menteri menjalankan pentadbiran pada peringkat Kerajaan Persekutuan

F11 Anggota Jemaah Menteri berpegang pada prinsip tanggungjawab Bersama

F12 secara kolektif kepada Parlimen

F13 Setiap menteri mesti mempertahankan keputusan yang dibuat oleh Jemaah Menteri

F14 Sekiranya seseorang menteri tidak bersetuju dengan dasar kerajaan, beliau hendaklah meletak jawatan sebagai ahli Jemaah Menteri

F15 Badan Eksekutif peringkat Kerajaan negeri ialah Majlis mesyuarat Kerajaan Negeri

F16 Kuasa Eksekutif terletak pada Sultan atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri

F17 Bagi negeri di Semenanjung Malaysia, kuasa eksekutif ini dilaksanakan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau EXCO (Executive Council).

F18 Di Sarawak dan Sabah, badan eksekutif negeri dikenali sebagai Kabinet Negeri
F19 Pentadbiran Kerajaan Negeri diketuai oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri.

ii.

- F1 Pengasingan ini akan membentuk konsep semak dan imbang
H1 Wujud kerajaan dan pembangkang dalam Dewan Rakyat (Badan Perundangan)
H2 Hal ini membolehkan Rang Undang-undang (RUU) dibahas secara teliti sebelum dijadikan undang-undang baru / pindaan undang-undang
C Contohnya RUU had umur mengundi diturunkan dari 21 tahun kepada 18 tahun pada 2019
H3 Setelah mendapat sokongan dua pertiga ahli Dewan Rakyat dan dua pertiga ahli Dewan Negara untuk diluluskan sebagai undang-undang
Inf Kesanya, demokrasi di negara kita dapat dilaksanakan dengan berkesan.
F2 Pemerintahan yang adil dan saksama dapat diwujudkan
H2 Kuasa pemerintahan tidak dikuasai oleh seseorang / sesuatu institusi
H3 agar tidak berlaku pecah amanah / rasuah / salahguna kuasa
H4 Hal ini kerana mereka akan didakwa di mahkamah (Badan Kehakiman) yang merupakan badan yang bebas dari campurtangan politik
C Misalnya jika seseorang didapati telah melakukan kesalahan salahguna kuasa / rasuah, beliau boleh didakwa di Mahkamah Tinggi Malaya untuk dibicarakan.
Inf Tuntasnya, negara akan sejahtera.

TINGKATAN 5 BAB 4: SISTEM PERSEKUTUAN

tiada ramalan baca balik past year

LET SCORE A in SPM !

- Contoh soalan jawapan diberi adalah berdasarkan Ramalan SPM 2025
- Untuk pemahaman sepenuhnya, sila rujuk pada nota buku teks atau nota ringkas pada studytips apps.
- Kita pecahkan rekod SPM kali ini

Terms & Conditions

- The information provided is for education purposes only and should not be considered as leak of question papers.
- The organizer disclaims all liability for any loss, damage or personal suffered directly or indirectly from reliance on such information
- The tips provided are considered as **forecast questions** and there is no warranty of its accuracy
- However all effort has been made to provide the most possible tips towards SPM questions.

This PROJECT IS FREE

ONLY THOSE WHO WANT TO SCORE, NEED TO JOIN

REMEMBER: We are just trying to help!

Semua Hak Cipta Terpelihara telah berdaftar dengan Perbadanan Harta Intelekt Malaysia. Tiada sebarang bahagian dalam buku ini boleh diterbitkan semula atau dionlinekan. Mereka yang melanggar boleh didakwa.